

ورتا فرنشن Warta Penerangan



MAC 2020



مقرنکلنک اقليکاسي موده اليه جابتن ڨرعن

Memperkenalkan
Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
 - Pelaksanaan Yang **Cepat** Dan **Mudah**
 - Menjurus Ke Arah **Paperless** Dan **Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

Dapatkan aplikasi dan muat turun di

Available on the App Store GET IT ON Google Play

'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'

DI MANAKAH AWDA BOLEH MENDAPATKAN NASKHAH PELITA BRUNEI ?

DAERAH BRUNEI DAN MUARA

1. Ibu Pejabat Jabatan Penerangan (Drive-thru & Kaunter)
2. Giant Mall, Tasek Rimba
3. Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei
4. Hospital RIPAS (Pesakit Luar dan Pusat Kesihatan Wanita & Kanak-kanak)
5. Pusat Kesihatan PAPHMWHB, Kg. Rimba, Gadong
6. Pusat Kesihatan Berakas, Lambak Kanan
7. Pusat Kesihatan Muara
8. Pusat Kesihatan Jubli Emas Perpindahan Kg. Bunut
9. Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong
10. Pusat Kesihatan Pengkalan Batu
11. Pusat Kesihatan PAPHRSB, Sungai Asam
12. Stesen Minyak KOPPMB Jln Menglait
13. Stesen Minyak GADONG Jln Gadong
14. Stesen Minyak SHAHRYZA Kg. Perpindahan Bunut
15. Stesen Minyak TASAMUL Kg. Lumapas B
16. Stesen Minyak BEBATIK Kg. Bebatik
17. Stesen Minyak KUPB Kg. Jangsak
18. Stesen Minyak AMANAH Kg. Kilanas
19. Stesen Minyak BADAN TANMIAH Kg. Kuala Lurah
20. Stesen Minyak MAR'AZMALA Jln Jerudong
21. Stesen Minyak SATENAGA Kg. Tanjung Nangka
22. Stesen Minyak MASJORY Kg. Sengkurong
23. Stesen Minyak MABOHAJ Jln Kebangsaan
24. Stesen Minyak PERSATUAN TIBA Kg. Salambigar
25. Stesen Minyak KOPERASI ITM Kg. Mentiri
26. Stesen Minyak PENGALAYAN Kg. Pengalayan
27. Stesen Minyak DYG MASNI Pekan Muara
28. Stesen Minyak TAIB Kg. Pancha Delima
29. Stesen Minyak BERAKAS Jln Pasir Berakas
30. Stesen Minyak IBA Kg. Lambak Kanan
31. Stesen Minyak TUMASEK Jln Tutong
32. Stesen Minyak TAIB Kompleks Perindustrian Beribi II

DAERAH TUTONG

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Tutong (Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan)
2. Petani Mall
3. Hospital PMMPMHAMB
4. Pusat Kesihatan Kg. Sungai Kelugos
5. Pusat Kesihatan Lamunin
6. Pusat Kesihatan Telisai
7. Stesen Minyak KOPERASI KG.KERIAM Kg. Keriam
8. Stesen Minyak PHA BAKAR BIN JAMBOL Kg. Suran
9. Stesen Minyak KODRAT Kg. Lamunin
10. Stesen Minyak KOPEKLAP Kg. Lubok Pulau

DAERAH BELAIT

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Belait (Seria)
2. Pusat Kegiatan Warga Emas
3. Plaza Seria
4. Hospital Suri Seri Begawan
5. Pusat Kesihatan Sungai Liang
6. Stesen Minyak LUMUT Kg. Sungai Bakong
7. Stesen Minyak ROXANA Seria
8. Stesen Minyak SAPAKAT Jln Setia Negara
9. Stesen Minyak SPM KB Jln Panglima

DAERAH TEMBURONG

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Temburong (Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan)
2. Terminal Perahu Tambang
3. Kompleks Utama Bumiputra
4. Hospital PIHM
5. Stesen Minyak NEGALANG Kg. Negalang

Jika naskhah Pelita Brunei telah habis, awda juga boleh melayari e-paper Pelita Brunei melalui aplikasi mudah alih Jabatan Penerangan dengan muat turun *InfoDeptBN*.

Available on the App Store GET IT ON Google Play



**Terbitan Unit Penerbitan Melayu
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri**

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penasihat
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras, Penyemak & Reka Letak
Unit Penerbitan Melayu
dan Unit Seni Grafik

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
Pegawai dan Kakitangan
Jabatan Penerangan



WARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.



*Dengan Ingatan Tulus Ikhlas
Daripada
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri.*

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

Isi Kandungan

| Isi Kandungan | Muka |
|--|--------------|
| Semai semangat cintakan negara | 5 |
| Suntik semangat ASEAN-ness | 6 |
| Semangat kenegaraan terus disemai | 7 |
| Tingkatkan pengetahuan melalui kursus | 8 |
| Meja Iklan | 8 |
| Mendekati masyarakat dalam Program Sua Muka | 11 |
| Ikuti saranan Kementerian Kesihatan cegah Covid-19 | 12 |
| Inisiatif Unit Perhubungan Awam dan Perkhidmatan Media (UPAM) | 12-13 |
| Kemudahan Pusat Media di sepanjang Musim Permesyuaratan MMN Ke-16 | 14 |
| RRP dekati pelajar Sekolah Menengah Nusa Laila Puteri | 15-16 |
| Meja Reka Kreatif | 16-18 |
| Surau Jabatan Penerangan | 19 |
| Jabatan Penerangan anjur Kursus Induksi | 20 |
| Hampir 70 peserta ikuti pertandingan | 21 |
| Liputan Harian Covid-19 | 22 |

Semai semangat cintakan negara

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan / Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas



SERAMAI 275 penuntut Tahun 7 bagi Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan hadir pada taklimat tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Mac. - Seramai 275 penuntut Tahun 7 Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan menghadiri Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Program yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan tersebut merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara, mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam

diri penuntut melalui cintakan raja, bendera negara dan lagu kebangsaan.

Antara pengisian program ialah Taklimat Kenegaraan yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris, selaku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

Taklimat antara lain menyentuh mengenai Raja Kita, Tatacara Menaik-kibarkan Bendera Negara dan Sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ‘Allah Peliharakan Sultan’ dengan terperinci.

Selesai taklimat para pelajar diajak untuk menyaksikan klip video ‘Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara’, ‘Semarak Pengibaran Bendera Negara’ dan Video Animasi ‘Tatacara Menaikkan Bendera Negara’.

Para penuntut juga berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.

Program diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab kuiz berkenaan.

PARA pelajar ketika mendengarkan taklimat yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris, selaku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengenai Tatacara Menaik-kibarkan Bendera Negara dan Sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.



Suntik semangat ASEAN-ness

Siaran Akbar: Jabatan Penerangan / Foto: Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BELAIT, Khamis, 5 Mac. - Dalam usaha menanamkan kesedaran dan rasa milik di kalangan para penuntut sekolah sebagai satu masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN: Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community), Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI meneruskan Program Jerayawara Kenali ASEAN di Sekolah Menengah Sayyidina Ali (SMSA).

Program tersebut adalah salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan penuntut-penuntut untuk sama-sama menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan, dalam masa yang sama juga dalam mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya penuntut-penuntut di Negara Brunei Darussalam.

Program yang berlangsung di Dewan SMSA tersebut dihadiri seramai 169 penuntut sekolah berkenaan berserta tenaga pengajar sekolah tersebut.

Taklimat Kenali Negara ASEAN juga bertujuan untuk membarigakan serta membuat pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada penuntut-penuntut sekolah menengah di negara ini kerana mereka adalah golongan belia yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya berperanan penting dalam memangkin hala tuju negara ini.

Selain itu ia juga dihasratkan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan penuntut-penuntut sekolah mengenai ASEAN selain untuk mengenal pasti sejauh mana para penuntut mengetahui tentang ASEAN dan peranan organisasi tersebut dalam membangun negara-negara anggotanya.

Antara pengisian program ialah Taklimat Kenali ASEAN yang disampaikan oleh Pemangku



PEMANGKU Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris, selaku Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan menyampaikan Taklimat Kenali ASEAN.

Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris, selaku Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan.

Diikuti dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ‘Allah Peliharakan Sultan’ dan Lagu Tema ASEAN ‘The ASEAN Way’ dan seterusnya menyaksikan tayangan klip video mengenai ASEAN.

Kuiz ASEAN dikendalikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Dayang Dona Azfina binti Ibrahim.

Program diteruskan dengan penyampaian hadiah Kuiz ASEAN kepada lima orang penuntut dan penyampaian cenderamata.

Program juga diselajurkan dengan mempromosikan aplikasi mudah alih ‘We ASEAN’ yang mengandungi maklumat mengenai ASEAN dan negara-negara ahli ASEAN, Kalender ASEAN, kuiz, galeri gambar dan video. Aplikasi



SEBAHAGIAN pelajar Sekolah Menengah Sayyidina Ali (SMSA) semasa mendengarkan Taklimat Kenali ASEAN.

tersebut merupakan salah satu projek di bawah Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCCI. Ia boleh dimuat turun melalui Google Play bagi pengguna Android and App Store bagi pengguna iOS.

SALAH seorang Pegawai Luar Penerangan, Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan semasa mengendalikan Kuiz ASEAN bagi pelajar-pelajar Sekolah Menengah Sayyidina Ali.



Semangat kenegaraan terus disemai

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan / Foto: Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Mac. - Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri meneruskan Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Sekolah Menengah Katok selepas mengadakan siri pertama pada bulan ini di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan empat hari lepas.

Program yang diadakan di bilik persidangan sekolah tersebut dihadiri oleh seramai 89 orang pelajar dari Tahun 7.

Turut hadir bagi sama-sama memeriahkan lagi taklimat berkenaan ialah Pengetua Sekolah, Dayang Penroose Saleha binti Haji Mohd Salleh dan Timbalan Pengetua Pentadbiran, Dayang Hajah Siti binti Pungut.

Taklimat Kenegaraan disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan selaku Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris.



PEMANGKU Pegawai Penerangan selaku Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris semasa menyampaikan taklimat.

Taklimat yang disampaikan antara lain menyentuh mengenai raja kita, tatacara yang betul untuk mengibarkan bendera dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ‘Allah Peliharakan Sultan’ dengan lebih terperinci.

Program yang dianjurkan merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam sama-sama menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan juga negara selain ia juga berperanan penting dalam memperkuatkan semangat

solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut melalui cintakan raja, bendera negara dan juga lagu kebangsaan.

Semasa program diadakan para pelajar berpeluang untuk menyaksikan klip video ‘Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara’, ‘Semarak Pengibaran Bendera Negara’ dan tayangan video animasi tentang bagaimana cara menaikkan bendera negara dengan betul.

Di akhir program para pelajar juga berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan dan diikuti dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan.



SALAH seorang pelajar ketika diuji minda dalam segmen kuiz.



ANTARA Pelajar lelaki dan perempuan Tahun 7 Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan yang mengikuti taklimat tersebut.

Tingkatkan pengetahuan melalui kursus

Oleh: Unit Penerbitan Melayu

JERUDONG, Rabu, 4 Mac. - Bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran di kalangan pegawai dan kakitangan, Unit Penyelidikan dan Perkembangan Jabatan Penerangan menganjurkan Kursus Microsoft Excel.

Kursus yang diadakan selama

dua hari bermula 3 hingga 4 Mac tersebut disertai oleh 20 pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Semasa berkursus para peserta didedahkan dengan penggunaan asas yang biasa dipakai dalam melaksanakan tugas-tugas harian di dalam perkhidmatan awam yang

disampaikan oleh tenaga pengajar dari syarikat tersebut.

Antara fungsi utama program *Microsoft Excel* adalah sebagai aplikasi atau *software* pengolah angka selain membuat, mengedit, menganalisa, meringkas data selain mampu untuk membuat berbagai macam grafik dan diagram.

Meja Iklan

Oleh: Unit Penerbitan Melayu

MEJA IKLAN ditempatkan di bawah kendalian Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei yang antara lain berfungsi untuk menerbitkan pelbagai iklan seperti sebut harga / tawaran / waris / kebankrapan / jualan lelong, jawatan-jawatan kosong dan sebagainya.

Meja Iklan diketuai oleh seorang Penolong Penyunting Tingkat II, Zawiyatun Ni'mah binti Mohamad Akir dan seorang Penyemak, Asbillah bin Pudin.

Iklan lazimnya diterbitkan setiap kali keluaran Pelita Brunei iaitu setiap Isnin, Rabu dan Sabtu. Permohonan iklan-iklan tersebut dihantar oleh jabatan-jabatan kerajaan melalui e-mel dan *despatch*.

Sebelum ini iklan dimuatkan dalam lima ke enam muka surat dan dalam satu muka surat agak terhad untuk memuatkan banyak iklan. Namun bermula 1 Januari 2020 penggunaan Kod QR diperkenalkan yang

bertujuan untuk memuatkan banyak iklan yang mana dalam satu muka surat sekurang-kurangnya tujuh ke lapan iklan tertakluk pada pendek atau panjang iklan tersebut. Sejak itu, muka surat iklan dikurangkan menjadi tiga muka surat untuk memberi ruang menyiaran berita-berita yang sangat memerlukan muka surat.

Kod QR iklan yang dimuatkan di Pelita Brunei hanya memaparkan bilangan tawaran / sebut harga, tajuk tawaran / sebut harga, tarikh tutup dan yuran tawaran / sebut harga jika ada. Manakala terma dan syarat tawaran / sebut harga dan tempat menghantar borang tawaran / sebut harga dan sebagainya akan dimuatkan dalam laman sesawang Pelita Brunei.

Tidak semua iklan menggunakan Kod QR seperti iklan jawatan kosong, waris, kebankrapan dan jualan lelong. Hanya tawaran dan sebut harga sahaja yang menggunakan Kod QR.



IKLAN

HARI SABTU 9 MEI 2020

15

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : IV & V SAHAJA
KATEGORI : KA01 SAHAJA

TARIKH TUTUP :
2 JUN 2020 (SELASA)
TIDAK LEWAT DARI
JAM 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DWS / 004 / 2020

NAMA PROJEK :
PENAMBAHBAIKAN SISTEM BEKALAN AIR (PEMBINAAN TANGKI-TANGKI AIR DAN PENINGKATAN SISTEM PAM AIR) - TANGKISIMPANAN

MUKIM LABU / LAKIUN,
DAERAH TEMBURONGYURAN TAWARAN :
BND500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

YURAN E -DOKUMEN : -



KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN NO. :
JPPK / LTK / 16 / 2020

MAINTENANCE REPAIR WORKS TO BUILDING, CIVIL ENGINEERING AND WASTE MANAGEMENT WORKS FOR THE ROYAL BRUNEI ARMED FORCES AT PENANJONG GARRISON

BAYARAN TAWARAN :
BND 30.00 (tidak dikembalikan)

SCHEDULE OF RATES (MINDEF SOR) 2019 EDITION'
(tidak dikembalikan)
BND500.00 satu set (Berbentuk CD)

KELAS : III & KE ATAS

KATEGORI : KA01, B01, S01
dan / atau KP02TEMPOH PENYIAPAN :
SATU (1) TAHUNTARIKH TUTUP :
SELASA, 19 MEI 2020,
TIDAK LEWAT JAM 11.30 PAGIJABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

BILANGAN TAWARAN :
JKP / LTK / 2020 - 2021 / 1

TAJUK TAWARAN :
DIGITAL MARKETING AGENCY

TARIKH TUTUP TAWARAN :
SELASA,
2 JUN 2020,
JAM 2.00 PETANG

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS : V SAHAJA
KATEGORI : [KA01]

TARIKH MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA :
6 MEI 2020 (RABU)

TARIKH TUTUP
TAWARAN PADA :
19 MEI 2020 (SELASA)
JAM 2.00 PETANG

BILANGAN :
JKR / DOR / SRM 14 / 2020

NAMA PROJEK :
MENAIKTARAF SISTEM SALIRAN LONGKANG DEPAN ISTANA NURUL IMAN

YURAN TAWARAN :
BND100.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

E - DOKUMEN :
TIDAK ADA

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS : IV & V SAHAJA
KATEGORI : [KA01]

BILANGAN :
JKR / DOR / SRM 15 / 2020

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MENAIK TINGGI SEBAHAGIAN JALAN DI SIMPANG 265-33 JALAN JERUDONG

YURAN TAWARAN :
BND50.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

E - DOKUMEN :
TIDAK ADA

KEMENTERIAN HAL EHWAH UGAMA

BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 027 / 2020

TARIKH TUTUP :
RABU, 20 MEI 2020,
JAM 12.00 TENGAH HARIJABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

PEMBERITAHUAN
SEBUT HARGA
JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0033 / 2020

TAJUK SEBUT HARGA :
"SUPPLY LABOR, MATERIALS
AND EQUIPMENT FOR
INSTALLATION OF NEW
PARTITIONS AND
BRICKWORKS AT MARINE
BIODIVERSITY CENTRE,"



MBC MERAGANG"
TARIKH TUTUP
SEBUT HARGA :
ISNIN, 18 MEI 2020

Mendekati masyarakat dalam Program Sua Muka

Oleh: Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim / Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas



PEGAWAI dan kakitangan Jabatan Penerangan bersama peserta Program Sua Muka bagi Kampung Keriam ketika bergambar ramai.

TUTONG, Selasa, 10 Mac. - Dalam usaha untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan dan rakyat serta ke arah menyebarluaskan sikap pemedulian pihak kerajaan terhadap masyarakat, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong telah mengadakan Program Sua Muka bagi Kampung Keriam bertempat di Balai Raya, Kampung Keriam, Mukim Keriam, Daerah Tutong.

Mengetuai rombongan ialah Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, selaku Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya.

Program Sua Muka tersebut turut dihadiri oleh Pemangku Ketua Kampung Keriam,

Awang Ahanapi bin Haji Mahadi, pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan serta Ahli Majlis Perundingan Kampung Keriam.

Program Sua Muka ini dilaksanakan lima hingga enam kali dalam sebulan dan 60 kali pada satu tahun bagi Daerah Brunei dan Muara. Bagi Daerah Belait, diadakan sebanyak 11 kali dalam setahun dan bagi Daerah Tutong, sebanyak enam kali dalam setahun.

Bagi Daerah Temburong pula diadakan sebanyak lima kali dalam satu tahun. Kesemua isu-isu yang diterima dalam Program Sua Muka akan disampaikan kepada agensi-agensi kerajaan yang berkaitan untuk makluman dan tindakan mereka masing-masing. Program tersebut merupakan platform untuk menyampaikan dasar dan maksud kerajaan



PROGRAM Sua Muka bagi Kampung Keriam, Mukim Keriam Daerah Tutong.



SEBAHAGIAN penduduk Kampung Keriam semasa menghadiri program berkenaan.

demi memelihara perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat, ke arah cintakan agama, bangsa, raja dan negara selain untuk mendapatkan isu-isu dan pendapat, cadangan yang perlu diambil perhatian serta tindakan oleh pihak-pihak berkenaan dalam kerajaan.

Dalam pada itu ia juga sebagai medan untuk

membarigakan dan mempromosikan perkembangan serta kemajuan mukim juga kampung, terutamanya tempat dan produk untuk diperkenalkan kepada orang ramai, dalam dan juga luar negara melalui penulisan rencana Kenali Negara Kitani (KNK) untuk disiarkan di Pelita Brunei, selaras dengan peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan.

Ikuti Saranan Kementerian Kesihatan cegah Covid19

Foto dan Teks: Unit Penerbitan Melayu

SEJAK awal bulan Mac 2020, Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan telah mengesahkan kes pertama jangkitan Covid-19 apabila seorang lelaki tempatan didapati positif Virus Korona dalam ujian awal. Dan dalam pada itu, Kementerian Kesihatan telah menasihatkan orang ramai agar mengamalkan dan mempraktikkan penjarakan sosial atau lebih dikenali dengan *social distancing*.

Dalam hubungan ini, Jabatan Penerangan tidak ketinggalan dalam sama-sama membantu mencegah penularan wabak tersebut dengan memastikan pegawai dan kakitangan jabatan sentiasa dalam keadaan sihat, sentiasa peka akan

perihal wabak ini, dan memastikan keadaan pejabat dan sekeliling di dalam keadaan yang bersih.

Beberapa langkah proaktif secara dalaman dan luaran jabatan giat dilaksanakan. Jabatan Penerangan telah menubuhkan *action team* dalam memastikan Pelan Kesinambungan Operasi/Perkhidmatan (*Business Continuity Planning*) dilaksanakan dengan membuat beberapa langkah terutama sekali membudayakan *social distancing* dan mengenal pasti pegawai dan kakitangan yang berisiko tinggi, agar kesihatan warga penerangan secara keseluruhan terjamin. Dalam pada masa yang sama, pelan ini dilaksanakan dalam memastikan agar rutin dan mutu kerja tidak terjejas.

Inisiatif Unit Perhubungan Awam dan Perkhidmatan Media (UPAM)

Foto dan Teks: Unit Penerbitan Melayu

UNIT Perhubungan Awam dan Perkhidmatan Media, Jabatan Penerangan, telah menjalankan beberapa inisiatif dalam seperti membuat garis pandu *sosial distancing* terutama di dalam lif-lif Jabatan, mengongsikan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan Covid-19 dengan melekatkan poster-poster di Bangunan Asal Jabatan Penerangan, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan dan juga cawangan-cawangan daerah.

Maklumat-maklumat rasmi yang diterima dari agensi-agensi kerajaan juga dikongsikan melalui Group Whatsapp Jabatan Penerangan, LED Screen yang ditempatkan di hadapan Bangunan Jabatan Penerangan, dan melalui Skrin Bermaklumat yang telah ditempatkan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), di Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait, dan di Lapangan Antarabangsa Negara Brunei Darussalam (Brunei International Airport).

Maklumat-maklumat ini juga turut dimuat naik



ORANG ramai semasa mengambil Pelita Brunei di Drive Thru Jabatan Penerangan.

di ruangan Forum Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan, *InfoDeptBn* dalam sama-sama memastikan bahawa warga jabatan penerangan dan orang ramai sentiasa peka dengan keadaan semasa Covid-19 di negara ini melalui kaedah perkongsian secara digital.

Dalam usaha membendung dan mengurangkan risiko penularan wabak penyakit ini, Jabatan Penerangan juga telah mengambil langkah berwaspada apabila menutup sementara perkhidmatan-perkhidmatan kaunter, permohonan,

bilik-bilik rujukan dan dewan di setiap daerah. Malah bagi orang ramai yang ingin mendapatkan Pelita Brunei boleh mendapatkannya menerusi *Drive Thru* di Jabatan Penerangan atau melayarinya di atas talian.




POSTER-poster mengenai Covid-19 turut dilekatkan bagi penanganan dan mengingatkan pegawai dan kakitangan mengenai bahaya penyakit tersebut.



PENJARAKAN sosial turut dilaksanakan dalam penggunaan lif-lif di Jabatan Penerangan.



PENGUNAAN hand sanitizer juga disediakan untuk pegawai dan kakitangan selepas memasuki bangunan bagi memulakan tugas.



PERKHIDMATAN penggunaan dewan ditutup sementara semasa pandemik Covid-19.

Kemudahan Pusat Media di sepanjang Musim Permesyuaratan MMN Ke-16

Berita dan Foto: Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Mac. - Jabatan Penerangan selaku Ahli Jawatankuasa Media dan Publisiti turut memainkan peranannya dalam menyebarkan maklumat yang betul kepada masyarakat di negara ini khususnya semasa berlangsungnya

Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) dan sepanjang mesyuarat tersebut diadakan.

Bagi memberikan keselesaan khususnya kepada wartawan

dan pemberita yang bertugas, Jabatan Penerangan sebagai *focal* turut menyediakan kemudahan-kemudahan kepada pihak media dan membantu Pusat Media dengan menyediakan *banner*, *whiteboard* dan *pigeon hole*.

Dengan tersedianya pusat media, secara langsung memberi kemudahan kepada para pegawai dan kakitangan dari Jabatan Penerangan memainkan peranan mereka seperti pihak wartawan membuat laporan di samping Pegawai Perhubungan Awamnya memantau setiap pergerakan wartawan yang membuat laporan di dalam dewan persidangan.



SALAH satu kemudahan di Pusat Media iaitu televisyen yang disiarkan langsung memudahkan para wartawan membuat laporan.



SEBAHAGIAN wartawan semasa membuat laporan di Pusat Media ketika Majlis Mesyuarat Negara berlangsung.

RRP dekati pelajar Sekolah Menengah Nusa Laila Puteri

Berita dan Foto: Marlinawaty Hussin

JANGSAK, Selasa, 10 Mac.

- Seramai 26 pelajar Sekolah Menengah Nusa Laila Puteri (NLP), Jangsk Tahun 9 dan 10 menghadiri Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) anjuran Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan di Dewan Puteri, sekolah berkenaan.

Program tersebut khusus bagi peringkat remaja terutama pelajar sekolah dalam menyebarluaskan maklumat dan kegiatan semasa.

Ia antara lain bertujuan untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya peka dengan perkembangan dan hal ehwal sekeliling mereka, di samping menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja, serta menjadikan pelajar sebagai ejen dalam penyebaran maklumat yang positif dan berkesan kepada rakan sebaya.

Antara pengisian program ialah Taklimat Kenegaraan ‘Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam’ yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Hisyam bin Idris selaku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

Beliau dalam taklimatnya antara lain menerangkan mengenai sejarah Bendera Negara Brunei Darussalam, di mana bendera negara mula direka bentuk pada tahun 1906, manakala lambang kerajaan berbentuk panji-panji



TAKLIMAT Kenegaraan ‘Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam’ yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Hisyam bin Idris.



PERSEMBAHAN lawak jenaka dari artis tempatan menceriakan lagi program tersebut.



PEGAWAI Penerangan, Awang Hisyam bin Idris semasa menyampaikan taklimat mengenai bendera negara.

berwarna merah ditambah pada bendera pada tahun 1959.

Selain itu, beliau juga menjelaskan mengenai latar belakang warna bendera, bendera rasmi peribadi dan orang-orang yang dikurniakan gelaran serta bendera jabatan kerajaan yang berpakaian seragam, bentuk panji-panji Negara Brunei Darussalam, juga ukuran *standard* dan cara mengibarkan bendera negara.

Program turut diserikan dengan persembahan tarian asli oleh para pelajar sekolah berkenaan yang disusuli dengan Lawak Jenaka dan Kuiz Kenegaraan oleh Dayang Hajah Kasumawati binti Haji Buntar dan Awang Haji Mohd. Firdaus bin Haji Salleh.

Majlis diakhiri dengan penyampaian hadiah oleh Guru



PELAJAR Sekolah Menengah Nusa Laila Puteri (NLP), Jangsa Tahun 9 dan 10 semasa menghadiri Program Rakan Remaja Penerangan (RRP).

Sekolah Menengah NLP, Dayang Rosalinda binti Abdullah kepada para pelajar yang berjaya menjawab soalan Kuiz Kenegaraan.

Meja Reka Kreatif

Oleh: Unit Penerbitan Melayu

Foto: Meja Reka Kreatif


MEJA Reka Kreatif mempunyai pegawai dan kakitangan seramai 10 orang yang terdiri daripada seorang Pereka Tingkat II, empat orang Pereka Tingkat III dan empat orang Juruteknik Foto yang diketuai oleh Pereka Tingkat I iaitu Awang Haji Khairulanwar bin Haji Ibrahim.

Meja Reka Kreatif ditempatkan di bawah Bahagian Pelita Brunei yang mana antara tugas dan tanggungjawab meja ini antara lain membuat kerja-kerja reka letak dan grafik dan penyediaan teknikal penggunaan gambar untuk akhbar Pelita Brunei sama ada cetakan ataupun *online*.

Kerja-kerja harian MRK juga adalah untuk memastikan keperluan reka letak, senigrafik dan kualiti gambar bagi Seksyen Berita dan Seksyen Kandungan Khas di bawah Pelita Brunei dilengkapi sebaik mungkin.

MRK juga merekacipta infografik dan grafik bagi

ruangan-ruangan di Pelita Brunei seperti, Rencana, Belia Berwawasan, Destinasi Pelancongan, Fokus Sukan, Imbasan Mingguan, Infoteknologi, Lensa Pelajar, Tip Kesihatan, Warisan dan sebagainya.



KETUA Meja Reka Letak, Awang Haji Khairulanwar bin Haji Ibrahim ketika melakukan tugas hariannya.

Selain itu MRK juga membuat poster-poster daripada jabatan-jabatan kerajaan untuk diterbitkan di dalam Pelita Brunei seperti Poster Induk Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Hari Kebangsaan, Maulidur Rasul, Hari Keluarga dan sebagainya.

Kakitangan dan pegawai dibahagikan kepada dua iaitu bertugas waktu pagi dan sebelah malam. Bagi yang bertugas sebelah pagi membuat tugas-tugas yang bersangkut paut dengan Seksyen Kandungan Khas iaitu Meja Rencana dan Meja Iklan. Manakala bagi yang bertugas waktu malam pula membuat reka letak bagi Seksyen Berita.



HARI RABU 19 FEBRUARI 2020

21

Warisan

Kenali budaya dan tradisi masyarakat kita

Kuih Muih Brunei tradisi masyarakat melayu

Dileh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Ihsan Dayang Jumaini
Haji Abu Bakar



KUIH mah tradisi Brunei sudah lama berlatap dan kebanyakannya dihasilkan dengan pelbagai corak dan bentuk, dan rata-rata senang dalam

dua jenis iaitu makanan basah dan kering. Namun apa yang menyedihkan ketika ini banyak dalam kalangan muda belia kira-kira tidak kenal dan tidak tahu mengenai



jenis-jenis kuih, dan malah pembuatan kuih muih tradisi tempatan.

Warisan kali ini ingin menggetarkan tentang kuih Bahulu dan Sapit.

Kuih Bahulu dan Sapit adalah sejenis makanan kering yang sudah tidak asing di negara ini dan banyak terjual di pedang-pedang pembiaran, mungkin ditempat daripada individu tertentu yang sudah lama berkecimpung dan masih dalam penghasilan kuih muih tradisi.

Tekstur dan corak kuih Bahulu dihasilkan dari sejenis cakoi khas yang disebut 'Calai Kuih Bahulu' yang diperbuat daripada tembaga, ia mempunyai pelbagai bentuk corak acuan yang digunakan untuk memasak kuih Bahulu, dan alat tersebut merupakan peralatan tradisional masyarakat Brunei yang masih digunakan sehingga hari ini.

Manakala bagi pembuatan kuih Sapit pada acuan Sapit diperbuat daripada logam yang berbentuk bulat yang dibentangkan dengan besi yang mempunyai tangkap panjang. Acuan ini digunakan untuk membuat kuih Sapit dan skitan yang terdapat di acuan tersebut melambangkan bunga, binatang dan lain-lain.

Dalam tinjauan wakil Pelita Brunei ke Jalan Singa Menteri, Kuala Belait bertemu dengan Dayang Jumaini binti Haji Abu Bakar, 62, jelas memperbaiki kreditibiliti beliau sebagai seorang yang mahir dan lama berkecimpung dalam pembuatan kuih muih melayu kuzan.

Beliau sudah lama membuat kuih Sapit (secara menggunakan kacauh moden) dan Bahulu sejak puluhan tahun dahulu ketika anak-anak beliau masih kecil lagi, yang mana pengalaman membuat kuih muih tersebut diperoleh dari nesek beliau

dan secerunnya beliau turunkan ilmu dan pengetahuan pembuatan kuih muih tradisi ini kepada anak-anak beliau sendiri.

"Alhamdulillah menerusi pembuatan kuih muih ini tetapi sedikir sebanyak dapat menjana pendapatan dan dari hasilnya juga saya sudah pernah memenuhi umrah, rumah dalam berurus niaga kita perlu juju dan antara agar tidak hilang kepercayaan pelanggan terhadap diri kita," ujarnya.

Juseni kita sebagai anak jati Melayu perlu tahu akan kewujudan kuih muih masyarakat tempatan kita, malah perlu ada usaha sejawatnya untuk menggetarkan dan mengembangkan serta mempromosikan lagi kuih muih tradisi ini ke mata dunia dan masyarakat luar agar ia terus kekal wujud, tidak pupus dan dapat dinikmati dari satu generasi ke satu generasi yang mendatang.





IMBASAN MINGGUAN



PARA peserta dengan bersemangat memulakan larian ketika menyertai Walk, Run and Cycle sempena Hari Kanker Sedunia. - Foto : Anggun Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

DUA peserta Perkampungan Sivik membuat mini karupap merupakan hasil produk MPK Kampung Menangah. - Foto : Hasmie Suliana Haji Ottman.

ANTARA babak menarik persambahan teater murik bertajuk '3 women' - Foto : Aznah Haji Ahad.

KEGEMBIRAAN... Pasukan Kota Range FC merakam gol ketiga melalui wiranaya Adi Said ketika menentang MS ADIBS bagi Plata Sumbangsih 2020. - Foto : Muhammad Aasi Haji Awang Atas.



ANTARA persambahan menarik dalam kempen kesedaran sepadu bagi melindungi dan membimbang ibu dan anak. - Foto : Muhammad Aasi Haji Awang Atas.

Surau Jabatan Penerangan

Oleh: Unit Penerbitan Melayu



SURAU Jabatan Penerangan yang di lengkapi dengan berbagai kemudahan.

SALAH satu kemudahan yang ada di Jabatan Penerangan bagi pegawai dan kakitangan melakukan aktiviti-aktiviti keagamaan ialah surau.

Surau yang terletak di tingkat satu Bangunan Asal Jabatan Penerangan tersebut telah wujud sejak bangunan berkenaan di bina dan surau berkenaan mengalami pengubahsuaian pada tahun 2015.

Tapak asal surau tersebut kini telah di tempati oleh Unit Fotografi manakala surau baharu di buat dengan ukuran yang lebih besar dan selesa yang pada mulanya ditempati oleh Bahagian Pentadbiran dan Kewangan Jabatan Penerangan.



SEBAHAGIAN Al-Quran yang terdapat di dalam surau tersebut.



BILIK tempat berwuduk bagi jemaah lelaki antara kemudahan yang disediakan.

Surau tersebut selain digunakan untuk menunaikan solat dan belajar mengaji, ia juga digunakan sebagai tempat melakukan aktiviti keagamaan seperti ceramah keagamaan bagi menyambut Hari-hari Kebesaran Islam dan penyampaian



SURAU tersebut turut dilengkapi dengan alat pembesar suara.

derma untuk anak-anak yatim. Antara kemudahan yang disediakan ialah seperti sistem pembesar suara, pendingin hawa, tempat wuduk lelaki dan perempuan secara berasingan selain Dewan Solat bagi jemaah lelaki dan perempuan.

Jabatan Penerangan anjur Kursus Induksi

Oleh: Unit Penerbitan Melayu
Foto: Unit Penyelidikan dan Perkembangan Jabatan Penerangan

UNIT PENYELIDIKAN dan Perkembangan Jabatan Penerangan telah menganjurkan Kursus Induksi bagi pegawai dan kakitangan yang baru berkhidmat di Jabatan Penerangan bermula pada 1 hingga 3 Mac 2020 di Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD), Daerah Temburong.

Kursus selama tiga hari dua malam tersebut menumpukan kepada kumpulan sasaran yang baru berkhidmat di jabatan tersebut, sama ada yang pernah berkhidmat di kementerian / jabatan kerajaan yang lain atau yang baru berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan



PARA peserta program semasa melakukan salah satu aktiviti yang rancang.



PEGAWAI dan kakitangan Jabatan Peneragan bergambar ramai semasa di Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD), Daerah Temburong.



PARA peserta mendengarkan taklimat sebelum memulakan aktiviti.

Negara Brunei Darussalam. Mereka terdiri daripada 28 orang pegawai dan kakitangan dari keempat-empat daerah.

Sebelum mengikuti program tersebut para peserta dikehendaki memenuhi persyaratan yang telah ditetapkan oleh OBBD iaitu mempunyai kesihatan yang baik. Untuk memastikan setiap peserta berada dalam keadaan *fit*, mereka dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan di salah sebuah klinik swasta di Berakas.

Manakala itu, mereka juga dikehendaki untuk

mendengarkan taklimat penyertaan dari OBBD yang telah diadakan di Dewan Auditorium Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan.

Semasa mengikuti kursus tersebut para peserta di dedahkan dengan berbagai aktiviti dalam membentuk *Team Building*.

Kursus tersebut diharapkan memenuhi objektifnya agar para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan sentiasa jujur dan amanah serta bertanggungjawab melalui komitmen yang tinggi dalam menjalankan tugas seharian di tempat kerja tambahan pula dalam menjalankan tugas secara berkumpulan.



TANGGUNGJAWAB melaksanakan solat tidak diabaikan semasa menyertai program tersebut.

Hampir 70 peserta ikuti pertandingan

Oleh: Unit Penerbitan Melayu

JABATAN PENERANGAN selaku Urus Setia Pertandingan Logo Bagi Negara Brunei Darussalam sebagai Pengerusi ASEAN Tahun 2021 menerima hampir 70 penyertaan.

Peraduan tersebut dibukakan kepada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam iaitu dengan menciptakan logo yang asli dan belum pernah dipertandingkan.

Pemenang yang berjaya mendapat tempat pertama akan menerima BND3,000 dan empat hadiah wang tunai sagu hati akan diberikan masing-masing bernilai BND300.

Reka bentuk logo mestilah mencerminkan identiti Negara Brunei Darussalam dan mengandungi ketiga-tiga elemen seperti:

Menggambarkan sikap pemedulian ASEAN dalam meningkatkan kehidupan dan kesejahteraan rakyatnya yang tidak meninggalkan sesiapa di belakang bagi mewujudkan komuniti ASEAN yang berorientasikan rakyat, berpaksikan rakyat dan hidup dengan harmoni.

Menunjukkan usaha ASEAN dalam memperkasa dan menyediakan rakyatnya dengan kemahiran, keupayaan dan latihan bagi merebut peluang-peluang yang ada dan juga menghadapi cabaran semasa dan masa hadapan.

Menggambarkan komitmen ASEAN dalam meningkatkan kemakmuran rantau ini dengan mewujudkan peluang-peluang sosial dan ekonomi serta bekerjasama dengan negara-negara luar melalui



SEBAHAGIAN peserta ketika mendaftar dan mengambil borang Pertandingan Logo Bagi Negara Brunei Darussalam sebagai Pengerusi ASEAN Tahun 2021 (atas dan bawah).



pelbagai inisiatif bagi mencapai masa depan yang mampan untuk rakyatnya.

Liputan Harian Covid-19



PENGAMAL media semasa menghadiri sidang akhbar yang diadakan di Kementerian Kesihatan.

SEBAGAI salah sebuah agensi sumber maklumat, Jabatan Penerangan selaku lidah, mata dan telinga kerajaan sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam sama-sama menyampaikan maklumat terkini mengenai perkembangan situasi Covid-19.

Untuk mengetahui perkembangan terbaru mengenai wabak tersebut, menerusi Unit IT dan Media Baharu, Jabatan Penerangan telah berusaha membuat liputan secara langsung sidang media setiap hari bersama Menteri Kesihatan yang mengongsikan perkembangan dan maklumat terkini untuk disampaikan kepada seluruh masyarakat menerusi media sosialnya.

Untuk mendapatkan maklumat tersebut orang ramai bolehlah melayari FIT Jabatan Penerangan (Facebook, Instagram dan Tweeter) secara langsung semasa sidang media tersebut diadakan.

Sejak sidang media tersebut diadakan pengikut FIT jabatan terus meningkat.



SALAH seorang Pemberita dari Jabatan Penerangan semasa membuat liputan langsung semasa sidang akhbar di jalankan.

DSTCom 4G 80% 10:19

← Q Jabatan Penerang... ↗

Home Posts Reviews Videos Photos

**Jabatan Penerangan
Brunei Darussalam** • 1 hr

Daftar aplikasi BruHealth dengan segera

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mei. - Orang ramai yang belum mendaftar ke aplikasi BruHealth adalah disyorkan... See more

169,212 likes 2,552 comments

JABATAN PENERANGAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Send Message

ANTARA laman sosial Jabatan Penerangan yang turut sama membarigakan maklumat terkini mengenai Covid-19.



جوالن بوکو تریتین جابتن قزعن

JUALAN BUKU-BUKU TERBITAN JABATAN PENERANGAN

DAPATKAN SEKARANG!

HIMPUNAN TITAH



BRUNEI TODAY



| Edisi | Harga |
|------------------------|--------|
| Sept 2017 - Jubli Emas | \$3.50 |
| Jun 2018 | \$2.50 |
| September 2018 | \$2.50 |
| Disember 2018 | \$2.50 |
| Mac 2019 | \$2.50 |

HIMPUNAN SABDA



| Tahun | Harga |
|-------|--------|
| 2012 | \$3.50 |
| 2013 | \$4.00 |
| 2014 | \$2.00 |
| 2015 | \$4.00 |
| 2016 | \$2.00 |
| 2017 | \$3.00 |
| 2018 | \$7.00 |

HALUAN

| Tahun | Harga |
|-------|---------|
| 2012 | \$23.00 |
| 2015 | \$10.00 |
| 2016 | \$12.50 |
| 2017 | \$8.50 |

BRUNEI DARUSSALAM NEGARAKU

| Tahun | Harga |
|-------------|---------|
| 2015 - 2017 | \$11.50 |
| 2018 | \$5.00 |
| 2019 | \$7.00 |



KOMPILASI
SABDA ANAKANDA
2011-2016

Harga
\$3.50



Harga
\$4.00



Harga
\$3.50

Waktu Perniagaan

Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg

Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

BUKU-BUKU BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT SOKONGAN, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN



CAWANGAN DAERAH TEMBURONG

BANGUNAN JABATAN-JABATAN
KERAJAAN, DAERAH TEMBURONG,
BANGAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 5221342



CAWANGAN DAERAH TUTONG

BANGUNAN JABATAN-JABATAN
DAERAH TUTONG, TA1314,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 4220290



CAWANGAN DAERAH BELAIT

PEJABAT PENERANGAN
SERIA JALAN BOLKIAH, SERIA,
KB433, DAERAH BELAIT,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 3224636



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>

<http://www.information.gov.bn>

<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

<http://www.infofoto.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



Like us on
Facebook

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



infodept_bn

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
Tel : 2383400 Faks : 2382242**